

# Kecam perhimpunan haram di kampus

**NILAI** – Seluruh ahli Sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), mengecam tindakan pihak yang cuba membuat perhimpunan haram dalam mana-mana kampus universiti di negara ini.

Pengerusinya, Profesor Datuk

Dr Mohamed Asin Dollah berkata, pihaknya menentang keras sebarang usaha pihak tertentu yang ingin menjadikan kampus IPTA sebagai medan perhimpunan haram mereka.

Katanya, bagi menjamin mahasiswa memberikan tumpuan kepada aktiviti akademik dan penguasaan ilmu, serta pembangunan sahsiah mereka,

sekretariat berharap tiada sebarang aktiviti atau yang menyokong ideologi pemimpin tertentu dilakukan dalam kampus.

"Saya menegaskan supaya perhimpunan atau aktiviti hanya menjurus menyokong individu atau ideologi pemimpin tertentu tidak diadakan dalam kampus, lebih-lebih lagi

yang bertujuan untuk mempengaruhi golongan muda ini.

"Kita tidak mahu perhimpunan haram sedemikian menjejaskan pembelajaran mahasiswa terlibat, sekali gus beri kesan buruk kepada pembangunan sahsiah penuntut ini," katanya.

Beliau menasihatkan universiti dihormati sebagai institusi akademik

yang berperanan mendidik mahasiswa dalam pelbagai bidang ilmu, dan bukannya sebagai perosak negara.

Katanya, pengalaman beberapa negara luar menggunakan mahasiswa universiti untuk menentang serta menjatuhkan sesebuah kerajaan, adalah tidak demokratik dan tidak wajar sama sekali dilaksana di negara ini.